

17 MAY 1996

Mahathir-Asia

MASA UNTUK LAHIRKAN SEMANGAT KENEGARAWAN SERANTAU ASIA TIMUR: MAHATHIR

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara rantau Asia Timur mengambil langkah untuk mewujudkan keamanan dan persahabatan tulen serta bersama-sama bergerak dengan penuh keyakinan.

Katanya masanya sudah tiba untuk melahirkan semangat kenegarawan serantau Asia Timur dan bermula dengan pertemuan para pemimpinnya untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan keamanan, persahabatan, kemakmuran bersama dan mewujudkan bersama dinamisme.

"Cara terbaik ke hadapan dalam melahirkan keamanan bersama yang berpanjangan ialah dengan maju dalam semua bidang. Kita harus bertindak secara sendirian, di mana boleh, untuk mengurangkan ketegangan, menyelesaikan pertikaian, untuk mewujudkan keyakinan," katanya pada persidangan antarabangsa peringkat tinggi mengenai masa hadapan Asia di sini anjuran akhbar perniagaan terkemuka Jepun, Nihon Keizai Shimbun.

"Kita tidak harus melupakan pepatah lama Arab bahawa sepanjang jalan itu akan bersih sekiranya setiap orang membersihkan jalan di hadapan rumah masing-masing," katanya dalam ucapan dasarnya bertajuk "Ke Arah Kestabilan Asia".

Katanya jika Asia Timur boleh mencapai matlamat itu, separuh daripada Asia akan mencapai keamanan dan kestabilan dan kemudian menumpukan usaha untuk melahirkan sebuah benua yang stabil dan makmur.

Katanya walaupun Asia telah menikmati tahap kestabilan yang luar biasa, tetapi tidak ada sebab untuk merasa puas hati kerana kestabilan itu kerap tergugat dan dalam tempoh 50 tahun lepas, Asia Timur menjadi rantau yang paling bergolak di dunia dengan perang Korea dan Vietnam.

Dr Mahathir menyenaraikan tiga cabaran utama yang beliau sifatkan amat kritikal yang akan dihadapi Asia dalam dekad akan datang.

Selain daripada melahirkan Asia Timur yang menikmati keamanan berterusan, yang lain ialah memastikan rantau ekonomi yang dinamik dan makmur serta ketiganya memastikan keadilan sosial di setiap negara, katanya kepada hadirin yang termasuk Presiden Filipina Fidel Ramos dan Timbalan Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong.

Dr Mahathir berkata walaupun setiap negara perlu melengkapkan diri sewajarnya untuk pertahanan, keamanan berpanjangan tidak boleh dilahirkan menerusi pakatan ketenteraan ataupun menerusi pendekatan pengimbangan kuasa ketenteraan yang hanya menguntungkan pengeluar peralatan senjata.

Pengimbangan ketenteraan hanyalah satu proses yang merugikan yang akan menyebabkan keruntuhan ekonomi, memiskinkan masyarakat dan mewujudkan keamanan yang kosong dan dingin, katanya.

Dr Mahathir berkata: " Mengapa kita harus menerima keamanan yang kosong dan dingin? Terutama ketika kita mempunyai peluang dari segi sejarah untuk meninggalkan sejarah lama dan untuk membina kerjasama dan keamanan yang sejahtera. Untuk hidup dalam suasana keselesaan dengan jiran-jiran yang baik."

Beliau memuji Asean kerana melahirkan keamanan dan warganegara yang baik di Asia Tenggara dan kini wujud sebagai teras Forum Serantau Asean dan Mesyuarat Asia-Eropah yang diadakan pertama kali tahun ini.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Timur hendaklah meneruskan dasarnya membantu mewujudkan kemakmuran antara satu sama lain ketika dunia diancam kebangkitan perdagangan baru dan perlindungan baru.

Katanya beliau begitu tertarik dengan proses yang telahpun terlaksanakan

di rantau ini menerusi kekerapan rundingan yang diadakan antara menteri-menteri luar dan ekonomi Asean selain dengan rakan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan.

China, Jepun, Korea Selatan dan tujuh negara anggota Asean akan menghadiri mesyuarat sulung di Kuala Lumpur untuk memajukan Lembah Mekong di Indochina dan pemimpin ketiga-tiga negara Indochina itu telah diundang untuk menghadiri persidangan kemuncak tidak rasmi pemimpin Asean di Jakarta pada Disember ini.

Dr Mahathir berkata ketika beliau mengimbuai sejarah Kumpulan Ekonomi Asia Tinmur (EAEG) yang kemudian ditukar kepada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau teringat akan kata-kata Shakespeare yang berkata bunga mawar dalam apa jua namapun tetap wangi.

EAEG dicadangkan Malaysia tetapi bertukar menjadi EAEC ekoran bangkangan Amerika Syarikat yang sehingga kini masih tidak memersetujui kewujudan forum longgar itu kerana negara itu tidak layak menganggotainya dari sudut geografi.

Dr Mahathir berkata terdapat usaha sengaja untuk memperkecil-kecilkan kejayaan Asia sejak satu generasi lepas.

Usaha itu dapat dilihat dalam bentuk pasaran hebat "ancaman di Asia Timur" dan mengecilkan "keajaiban" yang dialami Asia Timur seolah-olah kejayaan itu dicapai menerusi ilmu ghaib dan bukannya kerana kerja keras dan titik peluh rakyatnya.

Dr Mahathir berkata Asia Timur tidak seharusnya ditekan sehingga wujud sikap pesimisme, pergantungan kepada orang lain atau kehilangan keyakinan.

"Kita mempunyai banyak sebab untuk merasa yakin. Jepun seperti negara yang lain, mempunyai sebab untuk merasa yakin. Marilah kita berganding bahu bergerak maju bersama," katanya.

Ramos dan Lee juga menyampaikan ucapan masing-masing pada persidangan dua hari itu yang bermula semalam. Penceramah lain termasuk Menteri Luar Jepun Yukihiko Ikeda dan Penolong Setiausaha Amerika Syarikat mengenai Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Winston Lord.

-- BERNAMA